

Kemiskinan digital sekat murid B40 ikuti PdPR

Sejak pandemik COVID-19 'menggila' di seluruh dunia, ahli pengkaji kemiskinan menemui satu pola ketidaksamaan dalam bentuk baharu iaitu kemiskinan digital.

Kemiskinan digital membawa maksud individu atau isi rumah tidak mampu atau rendah dalam aspek pengetahuan tentang teknologi digital, keupayaan untuk guna teknologi digital, akses kepada kemudahan digital dan penyediaan teknologi digital yang terhad.

Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPek) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Madya Dr Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, menyatakan kemiskinan digital yang meningkat masa kini terbentuk hasil jurang digital antara wilayah dan strata masyarakat sebelum ini serta semakin memburuk sejak pandemik COVID-19 melanda.

Ramai yang setuju bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kembali berkuat kuasa memberi kesan sangat besar kepada pelajar miskin. Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang dilakukan secara dalam talian menyebabkan pelajar miskin berisiko ketinggalan disebabkan kekurangan akses kepada teknologi digital. Berdasarkan Laporan Kajian Kese-

diaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian dilaksanakan Kementerian Pendidikan (KPM) selepas fasa PKP tahun lalu, hanya enam peratus murid mempunyai komputer peribadi, 9.3 peratus memiliki komputer riba, 5.8 peratus memiliki tablet dan 46.5 peratus memiliki telefon pintar.

Dalam keadaan terdapat pelajar mempunyai lebih satu peranti, kajian membabitkan 670,118 responden terdiri ibu bapa kepada 893,331 murid itu juga mendapati 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti PdPR.

Faktor pemilihan gajet, selain status murid itu sendiri yang sebahagiannya tinggal di kawasan yang tidak mem-

punyai liputan jalur lebar yang stabil.

Sebahagian besar pelajar pula terpaksa berkongsi penggunaan telefon pintar ibu bapa mereka untuk mengikuti kelas dalam talian berikutan faktor pemilihan gajet yang terhad. Ada pelajar perlu berkongsi telefon pintar dengan adik-beradik lain dan perlu bergilir-gilir mengikuti kelas dalam talian.

Lebih menyedihkan apabila ibu bapa mempunyai urusan di luar atau keluar mencari rezeki, secara automatik anak-anak mereka terhalang daripada mengikuti kelas dalam talian dan semestinya terus ketinggalan dalam PdPR.

Jaringan rangkaian jalur lebar juga mengundang 'ancaman' kepada pelajar miskin terutama di luar bandar. Kita

ambil sahaja iktibar kisah mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang perlu masuk ke hutan dan memanjat pokok semata-mata untuk mendapatkan rangkaian jalur lebar bagi menduduki ujian secara dalam talian.

Mahasiswi itu beruntung kerana mempunyai semangat dan motivasi tinggi untuk menuntut ilmu dan mengubah nasib keluarganya. Namun, bagaimana pula pelajar yang hilang motivasi akibat kekurangan dihadapi. Sudah pasti semangatnya untuk berjaya hilang dan nasib keluarganya juga tidak akan berubah.

Strategi kerajaan melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) diperkenalkan bertujuan memperluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar serta mempersiapkan negara ke arah teknologi 5G dilihat mampu menyelesaikan sebahagian isu miskin digital ini.

Perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus di kawasan penduduk, selain pembinaan beberapa menara komunikasi baharu termasuk di Sabah dan Sarawak bagi meluaskan capaian internet, mampu membantu dalam meningkatkan kadar penembusan internet di desa berbanding masa kini.

Penulis adalah Penyelidik Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Pelajar Asnaf Kedah



Nur Atikah Rofiee

